

06 DEC 1998

PELANTIKAN PERDANA MENTERI SECARA DEMOKRASI, KATA PERSATUAN WARTAWAN

KUALA TERENGGANU, 6 Dis (Bernama) -- Pelantikan Perdana Menteri di negara ini adalah secara demokrasi melalui pilihan raya dan bukannya atas desakan orang luar, kata Persatuan Wartawan Melayu (PWM) di sini hari ini.

Presiden PWM Yazid Othman yang menghubungi Bernama berkata isu menyingkirkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh spekulator matawang antarabangsa George Soros dalam kenyataannya dua hari lepas adalah tidak berasas dan cuba mencampuri urusan dalam kerajaan Malaysia.

"Soros tidak perlu campurtangan dalam urusan rumah tangga kita (Malaysia) kerana ia adalah hal kita dan hanya boleh diselesaikan oleh pemimpin-pemimpin negara," katanya.

Beliau yang berada di sini kerana menghadiri mesyuarat PWM Cawangan Terengganu sebaliknya menyeru Soros mengeluarkan kenyataan itu (meletakkan jawatan) kepada Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton yang terlibat dalam isu skandal seks dengan pelatih di White House Monica Lewinsky.

-- BERNAMA

IB RON